

PM tegur pemaju projek sebabkan kesesakan

BH 22 OCT 2000

Oleh KADIR DIKOH

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sesetengah pemaju projek pembinaan di sekitar ibu kota yang kadangkala menyebabkan jalan raya semakin sesak.

Perdana Menteri berkata, memang benar industri pembinaan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara tetapi berharap pembangunannya tidaklah terlalu pesat sehingga menimbulkan kesesakan jalan raya.

"Industri pembinaan memberi banyak sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya berharap industri pembinaan ini tidaklah begitu pesat sehingga sukar lalu lalang kerana selalu sangat sekatan (kesesa-

kan) kerana pembinaan di sana sini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis menamakan projek Berjaya Star City di Jalan Imbi di sini sebagai Berjaya Times Square bernilai RM1.9 bilion.

Apabila siap sepenuhnya pada Jun 2002, Times Square akan menjadi kompleks beli belah, pusat riadah dan pejabat sepadu yang terbesar di negara ini. Ia kini siap 65 peratus.

Projek itu terletak di tapak seluas 5.08 hektar dan mempunyai kawasan binaan seluas 7.5 juta kaki persegi. Ia akan muncul sebagai satu daripada bangunan yang terbesar di dunia.

Dr Mahathir melahirkan harapan supaya struktur bangunan itu akan muncul sebagai destinasi pelancongan

terulung serta menambahkan lagi mercu tanda di negara ini.

Katanya, pelabur asing kagum dengan bangunan tinggi di Malaysia seperti Menara Berkembar Petronas.

"Saya baru kembali dari Seoul (pagi semalam). Ketika di sana, saya ditunjukkan gambar Menara Berkembar Petronas yang diukir dengan ais dengan begitu cantik sekali.

"Tindakan itu dilakukan kerana salah satu daripada dua menara itu dibina oleh kontraktor dari Korea. Mungkin juga projek ini (Times Square) dapat ditunjukkan di Perancis (kontraktornya dari Perancis) bagi membolehkan dunia luar melihatnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, meskipun pelabur asing kagum dengan bangunan

pencakar langit seperti Menara Kembar Petronas, tetapi mereka turut menyatakan bahawa kebanyakan bangunan ini kosong dan tiada penyewa.

Beliau berharap dakwaan itu tidak benar dan berharap Times Square akan mempunyai penyewa bagi memenuhi ruang bangunannya.

Katanya, projek Times Square itu tergendala sebelum ini kerana kegawatan ekonomi serantau dan berharap ia dapat disiapkan sepenuhnya mengikut jadual dalam tempoh 20 bulan mulai sekarang.

Pengerusi merangkap ketua pegawai eksekutif kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan, dalam ucapannya pula berkata bahawa projek itu dimulakan sejak Oktober 1995, tetapi menghadapi masalah disebabkan kri-

sis ekonomi.

"Buat masa ini, pembinaannya sudah siap dengan strukturnya sampai ke tingkat 45. Projek itu mempunyai tempat pendaratan helikopter di tingkat ke 47," katanya.

Tan berkata Times Square akan mempunyai 12 penyewa utama dan 800 lot kedai. Ia akan membawa masuk peruncit dari United Kingdom, iaitu Debenhams yang terkenal sebagai pakar pereka fesyen pakaian.

Beliau berkata, apabila siap sepenuhnya, Times Square akan mempunyai 56 laluan bowling, 50 kafe, bistro dan restoran serta lapan pawagam.

Pada akhir tahun depan, kerja pemasangan kelengkapan elektrik dan mekanikal serta kemas akhir akan dijalankan.